

## SOALAN-SOALAN LAZIM UNTUK PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO ITEKAD

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
1.	<b>Apakah Program Pembiayaan Mikro ITEKAD?</b>	<p>Program Pembiayaan Mikro ITEKAD merupakan program kewangan sosial yang bertujuan khusus menyokong dan memudahkan pembiayaan bagi usahawan mikro B40 dan asnaf* yang kehilangan pendapatan akibat wabak COVID-19.</p> <p>Program ini direka untuk menggunakan pembiayaan mikro bagi penyediaan modal yang digabungkan dengan dana kewangan sosial iaitu zakat untuk pemohon yang layak.</p> <p>Melalui program ini, Bank Islam dengan kerjasama rakan-rakan pelaksana seperti Majlis Agama Islam Negeri-negeri akan membantu usahawan mikro yang layak.</p> <p>Bank Islam merupakan bank pertama yang melaksanakan program ITEKAD ini.</p> <p><i>*Nota:- Asnaf: asnaf fakir atau miskin mengikut panduan yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri.</i></p>
2.	<b>Apakah matlamat Program Pembiayaan Mikro ITEKAD?</b>	<p>Program ini bertujuan untuk membantu usahawan mikro khususnya dari kalangan B40 dan asnaf yang terjejas disebabkan COVID-19 untuk bangkit membina semula perniagaan mereka.</p>
3.	<b>Bagaimanakah Program Pembiayaan Mikro ITEKAD ini dijalankan oleh Bank Islam?</b>	<p>Untuk fasa pertama, Bank Islam akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") dan SME Corporation Malaysia ("SME Corp Malaysia"). Permohonan hanya dibuka kepada usahawan mikro di Wilayah Persekutuan sahaja.</p> <p>Pemohon yang layak dan terpilih akan mengikuti program latihan pembangunan perniagaan yang dianjurkan oleh SME Corp Malaysia.</p> <p>Setelah tamat program latihan tersebut, Bank Islam akan menyediakan pembiayaan mikro sebagai modal perniagaan bagi usahawan yang layak di kalangan B40 dan asnaf; manakala dana zakat Bank Islam pula akan diberikan kepada asnaf untuk membeli peralatan perniagaan.</p> <p>Sebagai permulaan, hanya 100 usahawan mikro yang layak akan dipilih mengikuti program ini.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
4.	<b>Siapakah yang layak memohon?</b>	<p>Buat permulaan, usahawan mikro meliputi sektor makanan dan minuman, pembuatan dan perkhidmatan di Wilayah Persekutuan di kalangan B40 dan asnaf yang memenuhi kriteria berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memenuhi kriteria perusahaan mikro (pemilikan tunggal dan perkongsian) sebagaimana yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.</li> <li>2. Perusahaan mikro adalah milik warganegara Malaysia (pemastautin warganegara Malaysia memegang saham perniagaan minimum 51%)</li> <li>3. Perusahaan mikro yang didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), atau badan profesional berkanun.</li> <li>4. Perusahaan mikro beroperasi minimum 1 tahun.</li> <li>5. Usahawan mikro berumur antara 21 hingga 60 tahun pada tarikh permohonan.</li> </ol>
5.	<b>Bilakah permohonan Program Pembiayaan Mikro iTEKAD ini dibuka?</b>	<p>Permohonan dibuka bermula 1 Mei 2020.</p>
6.	<b>Bagaimanakah cara untuk memohon?</b>	<p>Maklumat lanjut berkaitan program ini boleh didapati di laman sesawang Bank Islam:  <a href="https://www.bankislam.com/business-banking/sme-banking/iTEKAD">https://www.bankislam.com/business-banking/sme-banking/iTEKAD</a></p> <p>Permohonan beserta dokumen yang lengkap perlu dihantar melalui e-mel ke: <a href="mailto:sadaqahouse@bankislam.com.my">sadaqahouse@bankislam.com.my</a></p>
7.	<b>Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon Program Pembiayaan Mikro iTEKAD?</b>	<p>Dokumen yang diperlukan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang permohonan</li> <li>2. Salinan kad pengenalan</li> <li>3. Maklumat perniagaan seperti jenis perniagaan, alamat perniagaan, pendapatan setahun, maklumat pemilik perniagaan, bilangan pekerja, dll.</li> <li>4. Salinan bukti pendapatan perniagaan (contoh: Borang B Cukai Pendapatan, penyata bank 6 bulan terkini)</li> <li>5. Salinan bukti operasi perniagaan (contoh: perakuan pendaftaran perniagaan, permit berniaga);</li> <li>6. Salinan bil utiliti; dan</li> <li>7. Lain-lain dokumen yang relevan.</li> </ol>
8.	<b>Apakah maksud usahawan mikro dalam Program Pembiayaan Mikro iTEKAD?</b>	<p>Peniaga kecil-kecilan dengan pendapatan jualan tahunan di bawah RM300,000 atau mempunyai kurang daripada 5 orang pekerja tetap.</p>

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
9.	<b>Apakah perbezaan antara Program Pembiayaan Mikro iTEKAD dengan pembiayaan mikro bank-bank lain untuk perniagaan yang terjejas oleh COVID-19?</b>	Program Pembiayaan Mikro iTEKAD mempunyai tiga komponen utama: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. pembiayaan mikro;</li> <li>ii. bantuan zakat kepada pemohon yang layak untuk membeli peralatan perniagaan; dan</li> <li>iii. program latihan pembangunan perniagaan percuma, tertakluk kepada terma dan syarat.</li> </ol>
10.	<b>Berapakah amaun pembiayaan? Untuk tempoh berapa lama?</b>	<u>Amaun pembiayaan:</u> Minimum: RM5,000 Maksimum: RM50,000  <u>Tempoh bayaran:</u> Di antara 1 hingga 5 tahun.
11.	<b>Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?</b>	Kadar keuntungan yang akan dikenakan ialah pada kadar 4.0% setahun.
12.	<b>Bagaimana cara pembiayaan ini disalurkan kepada penerima?</b>	Pemohon yang memenuhi kriteria akan disenarai pendek untuk mengikuti program latihan pembangunan perniagaan di bawah SME Corp Malaysia.  Setelah selesai menamatkan program latihan tersebut, proses kelulusan pembiayaan mikro akan dibuat dan pembiayaan mikro disalurkan terus ke akaun penerima, tertakluk kepada kelayakan.  Tertakluk kepada kelulusan pembiayaan mikro, sumbangan zakat kepada asnaf yang layak akan disalurkan untuk membeli peralatan perniagaan. Sumbangan akan dibayar terus kepada pembekal peralatan perniagaan yang dikenal pasti.
13.	<b>Bagaimana cara penerima membayar balik pembiayaan?</b>	Bayaran adalah secara bulanan.
14.	<b>Adakah terdapat fi yang dikenakan terhadap pembiayaan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fi Wakalah Tawarruq berjumlah RM50.00 dikecualikan oleh pihak Bank.</li> <li>▪ Jika kemudahan pembiayaan dibatalkan, anda dikehendaki membayar semua kos penyediaan dokumentasi berkaitan kemudahan pembiayaan (jika ada) yang telah ditanggung oleh pihak Bank termasuk semua perbelanjaan yang ditanggung semasa proses tuntutan.</li> </ul>
15.	<b>Adakah penjamin diperlukan?</b>	Penjamin tidak diperlukan.

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
16.	<b>Adakah cagaran diperlukan?</b>	Cagaran tidak diperlukan.
17.	<b>Berapa lamakah tempoh untuk mengikuti program latihan pembangunan perniagaan?</b>	Tempoh latihan pembangunan perniagaan yang wajib diikuti akan dimaklumkan kepada pemohon yang memenuhi kriteria kelak.
18.	<b>Bagaimana untuk mengetahui saya terpilih untuk mengikuti latihan?</b>	<p>Pihak Bank akan memaklumkan kepada pemohon yang memenuhi kriteria untuk mengikuti latihan pembangunan perniagaan pada hujung bulan Jun 2020 atau tarikh lain yang akan dimaklumkan.</p> <p>Latihan pembangunan perniagaan akan dikendalikan oleh SME Corp. Malaysia pada bulan Julai 2020 atau tarikh lain yang akan dimaklumkan.</p> <p>Tarikh latihan akan dimaklumkan kepada pemohon yang disenarai pendek.</p>
19.	<b>Berapa lamakah proses permohonan?</b>	<p>Pemohon yang memenuhi kriteria akan disenarai pendek untuk mengikuti program latihan pembangunan perniagaan di bawah SME Corp Malaysia.</p> <p>Setelah selesai menamatkan program latihan tersebut, proses semakan dan kelulusan pembiayaan mikro adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 6 hari bekerja tertakluk kepada butiran permohonan yang lengkap.</li> </ul> <p>Proses pembayaran pembiayaan mikro kepada penerima:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 4 hari bekerja (selepas penerimaan dana daripada Bank Negara Malaysia)</li> </ul>
20.	<b>Adakah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD ini hanya terbuka kepada pelanggan bank pemohon?</b>	Sebagai permulaan, ia terbuka hanya kepada semua usahawan mikro di sekitar Wilayah Persekutuan tanpa mengambil kira sama ada pemohon adalah pelanggan bank peserta atau tidak.
21.	<b>Bagaimana pula dengan bantuan dana kewangan sosial Islam?</b>	Dana kewangan sosial Islam iaitu zakat hanya layak kepada usahawan mikro di kalangan asnaf untuk tujuan membeli peralatan perniagaan, tertakluk kepada kelulusan pembiayaan mikro.

No.	Soalan	Jawapan Rasmi
22.	<p><b>Apakah perbezaan antara Program Pembiayaan Mikro iTEKAD dengan bantuan yang diberikan oleh pusat zakat negeri kepada usahawan mikro yang terjejas seperti Program Bantuan Khas Cov19 Lembaga Zakat Selangor?</b></p>	<p>Program ini adalah tambahan kepada program sedia ada yang ditawarkan oleh pusat zakat negeri, di samping kerjasama dengan MAIWP (pada peringkat permulaan). Sila rujuk soalan 4 untuk maklumat kelayakan permohonan.</p>
23.	<p><b>Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut tentang Program Pembiayaan Mikro iTEKAD?</b></p>	<p>Maklumat lanjut mengenai program iTEKAD boleh dicapai melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laman sesawang Bank Islam: <a href="https://www.bankislam.com/business-banking/smebanking/iTEKAD/">https://www.bankislam.com/business-banking/smebanking/iTEKAD/</a></li> <li>2. Facebook Bank Islam: <a href="http://www.facebook.com/bankislam">www.facebook.com/bankislam</a></li> <li>3. Facebook Sadaqa House Bank Islam : <a href="http://www.facebook.com/sadaqahouse">www.facebook.com/sadaqahouse</a></li> </ol> <p>Sila e-melkan sebarang pertanyaan <a href="mailto:sadaqahouse@bankislam.com.my">sadaqahouse@bankislam.com.my</a></p>